

Bantuan Pembayaran Balik COVID-19

Bantuan Pembayaran Balik Bersasar (TRA) Pinjaman/Pembiayaan Runcit (tidak termasuk Sewa Beli) untuk Pelanggan Individu dan Perniagaan bermula 7 Julai 2021

Sekiranya anda terkesan akibat COVID-19 dan memerlukan bantuan kewangan untuk membayar ansuran/faedah pinjaman/pembiayaan bulanan anda, anda boleh PILIH MASUK (OPT-IN) untuk aturan penjadualan semula pembayaran balik/bayaran anda itu.

A) Pilihan TRA. (Pilihan di tangan anda dan bantuan pembayaran balik yang dipilih tidak akan tercatat dalam CCRIS)

Pilihan	Kurang Pendapatan / Aliran Tunai pada tahun 2021	Digital & Bukan Digital (Pindaan 6 bulan)	
		(6 bulan)	(Bulan ke-7 dan seterusnya)
1	50% atau lebih pengurangan	25% daripada ansuran pinjaman/ pembiayaan bulanan sekarang	Ansuran bulanan/ pembiayaan sekarang diteruskan
2	25% hingga kurang daripada 50% pengurangan	50% daripada ansuran pinjaman/ pembiayaan bulanan sekarang	
3	Pengurangan kurang daripada 25%	75% daripada ansuran pinjaman/ pembiayaan bulanan sekarang	
4.	Pilihan Lain (PILIH MASUK Bukan Digital sahaja)		

CEPAT! PILIH MASUK (OPT-IN) sekarang untuk mengelakkan status kredit terjejas.

Nota:

- I. Tempoh pinjaman/pembiayaan akan dilanjutkan dengan sewajarnya dengan faedah atau keuntungan/sewa terakru pada kadar faedah/keuntungan/sewa semasa pada waktu TRA.
- II. Untuk PILIH MASUK TRA, ansuran (sewa ijarah) yang tertunggak (maksimum sehingga 3 bulan) (jika berkenaan) akan disifarkan dan terus menjadi sebahagian daripada amaun belum jelas pinjaman/pembiayaan berkenaan.

B) Kriteria kelayakan TRA:

- I. Disediakan untuk semua pelanggan individu dan PKS (kecuali akaun dengan kredit terjejas dan bankrap/syarikat yang digulung); dan
- II. Pinjaman/Pembiayaan berbayar yang tertunggak kurang daripada 90 hari.

C) Tempoh Masa Kelulusan Biasa TRA

Keputusan mengenai permintaan untuk PILIH MASUK akan dimaklumkan kepada anda dalam tempoh masa kelulusan biasa yang berikut apabila permintaan anda untuk PILIH MASUK dengan maklumat penuh dan perakuan sendiri diterima (Tiada dokumen diperlukan):

Jenis Akaun	Tempoh Masa Kelulusan Biasa	
	Pilih Masuk Digital	Pilih Masuk Bukan Digital
Individu	24 jam	5 hari kalendar
PKS		10 hari kalendar

D) PILIH MASUK untuk TRA/TRA Berganda

D (I) PILIH MASUK secara DIGITAL

[Tonton Video ini untuk memahami langkah-langkah yang perlu diambil untuk melengkapkan borang PILIH MASUK.](#)

[KLIC Di SINI](#) untuk PILIH MASUK dengan segera.

Nota:

PILIH MASUK secara Digital bagi TRA tidak boleh diguna pakai untuk:

- I. Bil Perdagangan, Overdraf, Kemudahan Tunai-i, Pembiayaan Berkadar Tetap Islam, akaun AKPK di bawah Program Pengurusan Hutang (DMP), Bukan PKS, jaminan pinjaman/pembiayaan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC)/Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP).
- II. Peminjam/Pelanggan yang tidak menerima jemputan menerusi SMS PBB/PIBB.

Anda boleh mencetak dan melengkapkan borang PILIH MASUK bukan digital/manual dan mengemukakan atau e-mel ke mana-mana Cawangan /Pusat Kawalan Kredit PBB/PIBB untuk kelulusan.

Syarat-syarat untuk PILIH MASUK secara Digital bagi TRA/TRA Berganda

1. Semua pelanggan mesti mengekalkan Nombor Telefon Mudah Alih yang sah dengan Bank untuk penentuan identiti sebelum PILIH MASUK untuk pilihan TRA biasa.
2. Semua pelanggan mesti memberi alamat e-mel yang ditentukan semasa PILIH MASUK untuk penerimaan secara digital Surat Tawaran Tambahan melalui laman web PBB/PIBB dalam tempoh 7 hari kalendar dari tarikh surat berkenaan yang boleh dilanjutkan mengikut budi bicara Bank.
Bank boleh menamatkan tawaran di atas sekiranya anda masih tidak menerima Surat Tawaran Tambahan itu dalam tempoh 30 hari kalendar dari tarikh surat berkenaan.
3. Pegawai Utama/pengarah, rakan kongsi yang dibenarkan pelanggan PKS dengan nombor telefon mudah alih yang sah mesti memberi alamat e-me; yang sah mengikut rekod Bank bagi penerimaan surat tersebut melalui laman web PBB/PIBB dalam tempoh 7 hari kalendar dari tarikh tersebut yang boleh dilanjutkan mengikut budi bicara Bank.

D (II) PILIH MASUK secara Manual

Tidak dapat PILIH MASUK secara digital? Jangan bimbang.

Anda boleh mencetak dan melengkapkan borang PILIH MASUK manual yang relevan dan mengemukakan atau e-mel ke mana-mana Cawangan /Pusat Kawalan Kredit PBB/PIBB untuk kelulusan (Tiada dokumen diperlukan).

[\[Individu\] Manual Request OPT-IN Form.pdf](#)

[\[PKS \(Mikro/Kecil/Sederhana\)\] Manual Request OPT-IN Form.pdf](#)

E) [FAQs mengenai TRA](#)

Nota Am mengenai Aturan TRA:

TRA akan menyebabkan kos kewangan keseluruhan yang lebih tinggi pada kadar faedah/keuntungan/sewa terkontrak semasa pada TRA disebabkan oleh pelunasan semula/lanjutan tempoh pinjaman/pembiayaan.

Anda boleh menghubungi Cawangan Pemegang Akaun atau Pusat Kawalan Kredit anda untuk menyemak semula TRA yang telah diluluskan/diterima sekiranya keadaan kewangan anda bertambah baik bagi mengurangkan kos kewangan keseluruhan apabila tiba masanya.

Anda juga boleh merujuk kes anda kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk memberi perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstukturan semula. Untuk pertanyaan, sila hubungi AKPK @ 03-2616 7766 atau layari portal pelanggan AKPK di www.akpk.org.my